

Isu Kahwin Lari: Analisis Perspektif Islam Dan Perundangan Serta Kesannya Terhadap Masyarakat

Muhammad Afifi Azahar^{1,*}, Mohd Firdaus Mohammad¹, Ahmad Mohamad²

¹ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

² Jabatan Usuluddin dan Da'wah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

*Emel penulis utama:

afifiazahar24@gmail.com

Tarikh penerimaan: 16 Okt 2023

Tarikh penerbitan: 31 Dis 2025

Panduan sitasi:

Azahar, M.A., Mohammad, M.F., Mohamad, A. (2025). Isu Kahwin Lari: Analisis Perspektif Islam dan Perundangan serta Kesannya terhadap Masyarakat, *PERADABAN*, 18(1), 1-20. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/PERADABAN/article/view/47419>

DOI:

<https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol18no1.1>

ABSTRACT

The public awareness of the negative effects of elopement marriages remains at an alarming level due to the high average number of such marriages each year. Some couples consider elopement marriages to have no issues, even to be religiously valid when they fulfill the requirements and conditions of marriage. However, the consequences of making elopement marriages an easy and quick solution to marital problems are unwise and contrary to the laws of the country and Islam. Therefore, this article discusses the adverse effects of elopement marriages on society. This study employs qualitative methods, and data were collected from reputable books, journal articles, and websites. Subsequently, the information was analyzed descriptively. The results of this study indicate that elopement marriages have numerous negative effects on society.

Keywords: elopement marriage, law, consequences, legislation

ABSTRAK

Kesedaran masyarakat terhadap kesan buruk kahwin lari masih berada di tahap yang membimbangkan berikutan daripada purata bilangan kahwin lari yang tinggi pada setiap tahun. Sebahagian pasangan Islam menganggap bahawa kahwin lari merupakan satu perkara yang normal bahkan sah di sisi syarak apabila memenuhi rukun dan syarat nikah. Walau bagaimanapun, kesan daripada perbuatan mengambil ringan dan bermudah-mudahan di dalam isu perkahwinan dengan menjadikan kahwin lari sebagai jalan singkat untuk mencapai matlamat dan solusi kepada penyelesaian masalah adalah satu langkah yang dianggap tidak cerdik dan bertentangan dengan perundangan negara dan Islam. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan tentang kesan buruk terhadap fenomena kahwin lari terhadap masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan pengumpulan data diperoleh melalui kitab-kitab, jurnal artikel dan laman web yang bereputasi. Seterusnya maklumat-maklumat tersebut dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian ini mendapati bahawa isu kahwin lari meninggalkan kesan negatif yang banyak terhadap masyarakat.

Kata Kunci: kahwin lari, hukum, kesan, undang-undang, Islam.

1. Pengenalan

Perkahwinan menurut Islam merupakan penyatuan dua pasangan suami isteri yang diikat dengan syarat-syarat dan rukun yang ditetapkan menurut syarak. Oleh yang demikian, masalah kahwin lari yang berlaku sudah tentu dilihat bertentangan dengan falsafah kekeluargaan. Malah, ia juga bertentangan dengan budaya masyarakat Melayu yang mengutamakan nilai-nilai murni dalam institusi kekeluargaan. Secara umumnya, sesuatu pernikahan itu boleh dilakukan di mana sahaja tempat yang dipilih oleh pasangan asalkan pernikahan tersebut memenuhi rukun dan syarat sah nikah menurut syarak. Walau bagaimanapun, bagi memastikan pernikahan itu mendapat pengiktirafan, kebenaran melangsungkan pernikahan hendaklah diperoleh terlebih dulu mengikut proses Undang-undang Keluarga Islam (UUKI).

Perkahwinan dalam Islam merupakan sebahagian komponen penting dalam masyarakat. Secara tidak langsung, ia menunjukkan bahawa masyarakat juga berperanan dalam membentuk sesebuah keluarga. Oleh yang demikian, perkahwinan yang tidak menghormati masyarakat seperti kahwin lari jelas bertentangan dengan masyarakat dan juga merupakan satu perkara yang keji menurut Islam. Justeru, peruntukan undang-undang kekeluargaan yang menghukum

pasangan kahwin lari adalah bertujuan menjaga kepentingan dan kesejahteraan masyarakat.

Isu kahwin lari bukanlah satu isu baharu di dalam kalangan masyarakat Malaysia pada hari ini, bahkan ia sudah berlaku sejak beberapa tahun lampau lagi. Statistik menunjukkan bahawa purata setahun yang membuat pendaftaran perkahwinan di Selangor setelah kahwin lari adalah sebanyak 1175 kes setahun. Angka ini sebenarnya adalah angka yang agak besar dan ia menunjukkan bahawa masih ramai rakyat Malaysia yang mengambil mudah dalam isu kahwin lari. Sedangkan implikasi daripada kahwin lari ini telah mengakibatkan banyak permasalahan yang timbul terhadap pasangan suami isteri, ibu bapa, keluarga dan anak-anak.

Oleh itu, artikel ini akan membahaskan secara terperinci hukum-hukum berkaitan kahwin lari menurut perbahasan para ulama silam dan kontemporari, serta menganalisis isu ini dari sudut perundangan Islam dan perundangan sivil di Malaysia, seterusnya membincangkan kesan buruk amalan kahwin lari serta permasalahan yang berpotensi dihadapi oleh masyarakat akibat pelaksanaannya.

2. Konsep Dan Definisi Kahwin Lari

“Kahwin lari” atau istilah lainnya iaitu “perkahwinan tanpa kebenaran” bermaksud perkahwinan yang tidak mengikut Akta atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang dilaksanakan secara sembunyi, serta tidak mendapat kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk mukim yang berkaitan (Abdullah et al., 2021). Selain itu, ia merupakan satu alternatif yang merujuk kepada perkahwinan yang dilakukan oleh pasangan yang melarikan diri daripada wali sebenar dan prosedur yang disediakan oleh Mahkamah Syariah (Hazman et al. 2020). Kamus Dewan (1998) mendefinisikan kahwin lari sebagai perkahwinan (pernikahan) pasangan lelaki dan wanita (biasanya suka sama suka) yang dilakukan ditempat lain tanpa disaksikan atau direstui oleh keluarga.

Dalam bahasa Arab, kahwin lari atau perkahwinan tanpa kebenaran ini dikenali sebagai “al-Zawaj al-‘Urfi”. Para ulama kontemporari telah mentakrifkan kahwin lari dengan maksud perkahwinan yang tidak diiktiraf secara rasmi di sisi undang-undang (IslamWeb, 2004). ‘Abd al-Fattah al-‘Amr menjelaskan kahwin lari merupakan akad perkahwinan yang sempurna segala rukun dan syarat nikah yang ditetapkan oleh

syarak, namun tidak mendapat pengiktirafan yang rasmi di sisi undang-undang negara kerana tidak berdaftar ('Amr 1996). Walau bagaimanapun, bukan semua kahwin lari itu sah seperti yang dijelaskan oleh 'Abd al-Fattah al-'Amr di atas, ini kerana terdapat situasi di mana kahwin lari itu tidak sah apabila tidak memenuhi rukun dan syarat nikah. Oleh itu, perkahwinan yang sah adalah apabila memenuhi semua rukun dan syarat nikah.

Menurut Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 (2002) hukum kahwin lari adalah sah sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Pernikahan itu mengikut rukun nikah.
2. Pernikahan itu melebihi dua marhalah.
3. Tiada keputusan mahkamah yang menghalang wanita itu berkahwin atas alasan syarak di tempat dia bermastautin.
4. Pernikahan itu dilakukan oleh wali hakim yang diiktiraf oleh wilayah negara berkenaan dan diakad nikahkan di wilayah berkenaan di mana ia ditauliahkan sebagai wali hakim.

Hashim (2003) dalam kajiannya mendapati bahawa kahwin lari tidak semestinya berlaku di luar negara, sebaliknya berkemungkinan besar terjadi dalam negeri atau daerah sendiri melalui perkahwinan sindiket secara rahsia oleh juru nikah yang tidak bertauliah. Oleh yang demikian, sekiranya dilangsungkan perkahwinan ini tanpa pengetahuan atau keizinan wali perempuan, maka tidak sah perkahwinan tersebut kerana masih wujudnya wali dalam jarak yang kurang daripada dua marhalah.

Melalui keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kahwin lari boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu, sah dan tidak sah bergantung kepada perlaksanaan cara akad pernikahan tersebut. Secara ringkasnya, kahwin lari yang sah haruslah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 (2002) tersebut, dan jika sebaliknya, tidak sah perkahwinan tersebut. Kesan daripada tidak sah sesebuah perkahwinan akan memberi impak yang besar kepada banyak permasalahan terutamanya kepada pasangan suami isteri serta anak-anak kerana ia dianggap sebagai zina jika sudah melakukan perisetubuhan, dan khalwat yang haram sekiranya berdua-duaan.

3. Hukum Kahwin Lari Menurut Fuqaha

Hukum kahwin lari atau perkahwinan yang tidak mengikut prosedur telah dibincangkan secara terperinci oleh para ulama kontemporari. Hal ini kerana, ia membabitkan perbincangan berkaitan hukum sama ada ia adalah sah ataupun tidak sah sesebuah perkahwinan tersebut serta berkait rapat dengan kemaslahatan masyarakat dan juga keharmonian sesebuah negara. Terdapat perbezaan hukum di kalangan para fuqaha berkenaan isu kahwin lari. Perbezaan pendapat tersebut boleh dibahagikan kepada dua pandangan utama (Selian, 2015).

- i. **Pendapat Pertama** berpandangan kahwin lari adalah harus sekiranya memenuhi semua rukun dan syarat-syarat nikah.
- ii. **Pendapat kedua** berpandangan haram melaksanakan perkahwinan dengan cara kahwin lari kerana dipercayai membawa kepada tersebarnya fitnah dan pelbagai kerosakan.

3.1 Hujah Pandangan Pertama

Dimukilkan daripada Al-Syaikh Abdullah bin ‘Abd-Rahman al-Jabrain: *“antara rukun akad nikah adalah pengantin lelaki dan perempuan, wali, dua orang saksi, ijab qabul, dan tiada halangan berkahwin. Sekiranya dilaksanakan ke semua rukun nikah, maka sahlah perkahwinan tersebut tanpa disyaratkan untuk mendapat keizinan atau kelulusan daripada pihak-pihak tertentu yang lain. Akan tetapi, membuat pendaftaran nikah adalah perlu untuk mendapatkan pengesahan perkahwinan daripada Negara untuk mengelakkan daripada difitnah dengan tuduhan jahat. Namun demikian, hukum asal membuat pendaftaran bukan satu kewajipan tetapi ia disyaratkan atas sebab yang demikian”* (al-Mutlaq, 1427H).

Al-Syaikh Nasir bin Sulaiman al-‘Amr dan al-Syaikh Soleh bin Muhammad al-Luhaidan turut menjelaskan perkara yang sama iaitu kahwin lari yang mematuhi segala rukun dan syarat nikah dengan kewujudan wali, dua orang saksi, ijab qabul, dan mas kahwin adalah merupakan perkahwinan yang sah walaupun tidak berdaftar secara rasmi dan tidak mengadakan walimah walaupun pada hakikatnya, melaksanakan perkara-perkara tersebut adalah lebih diutamakan (al-Mutlaq, 1427H). Al-Syaikh Yusuf al-Qardawi juga berpandangan bahawa kahwin lari adalah sah walaupun tidak berdaftar. Oleh itu diwajibkan ke atas suami memberi nafkah kepada isteri, menyediakan tempat tinggal, menjaga kemaslahatan isteri dan sebagainya. Walau

bagaimanapun, secara kebiasannya pasangan ini akan dituduh dengan berbagai tuduhan negatif (al-Qardawi, 1420H).

Seterusnya, dinukilkan daripada Al-Syaikh Usamah al-Asyqar, akad perkahwinan yang diadakan dengan kehadiran wali dan dua orang saksi, namun, mereka disuruh merahsiakan perkahwinan dengan melaksanakannya secara sembunyi, adalah tidak sah menurut mazhab Maliki (al-Dusuki, t.th), tetapi ia adalah sah menurut mazhab jumhur ulama iaitu Hanafi, Syafi'i dan Hanbali (al-Syaibani, 2002).

3.1.1 Dalil Yang Digunakan oleh Pendapat Pertama

1. Jumhur fuqaha daripada mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hanbali mengharuskan kahwin lari tetapi bersyarat. Imam al-Kasani berkata sekiranya sudah sempurna akad, kemudian diminta untuk merahsiakan perkahwinan tersebut maka hukum perkahwinan adalah sah di dalam Islam tetapi perbuatan tersebut adalah makruh kerana secara tidak langsung bertentangan dengan suruhan untuk menghebahkan pernikahan (al-Kasani, 1996; al-Syafi'i, 2002) sepertimana yang disebut menerusi hadis Nabi Muhammad SAW seperti berikut:

أَعْلَنُوا هَذَا النِّكَاحَ

Maksudnya: "*Hebahkanlah pernikahan kalian*"

(Hadis Hasan, Riwayat al-Tirmizi: 1089)

Oleh itu, dapat difahami bahawa, kahwin lari yang sempurna segala rukun nikah ketika majlis akad adalah sah walaupun disuruh menyembunyikan pernikahan tersebut. Hal yang demikian kerana, syarat menyembunyikan perkahwinan tidak sesekali membatalkan rukun nikah yang sah sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW seperti berikut:

لَا بُدَّ فِي النِّكَاحِ مِنْ أَرْبَعَةٍ: الزَّوْجِ، وَالزَّوْجِيَّةِ، وَالشَّاهِدَيْنِ

Maksudnya: "*Pernikahan mesti terdiri daripada empat pihak iaitu pengantin lelaki, wali, dan dua orang saksi*"

Berdasarkan hadis di atas, apabila keempat-empat rukun tersebut telah disempurnakan, maka pernikahan yang dilangsungkan adalah sah menurut Islam walaupun pernikahan tersebut tidak dihebahkan kepada orang ramai kerana ia tidak termasuk di dalam rukun nikah dan tidak memberi apa-apa kesan kepada perkahwinan tersebut.

2. Selain itu, membuat pendaftaran perkahwinan bukanlah syarat mahupun rukun dalam akad pernikahan. Urusan atau prosedur membuat pendaftaran perkahwinan ini berbeza bagi setiap negara dan negeri masing-masing. Tambahan pula, arahan membuat pendaftaran sebenarnya menyulitkan urusan perkahwinan dan hal ini merupakan salah satu punca berlakunya kes-kes yang tidak diingini seperti zina (al-Mutlaq, 1427H). Seterusnya, para ulama silam menyatakan bahawa tiada dalil daripada syarak yang mewajibkan ke atas pasangan yang berkahwin membuat pendaftaran pernikahan mereka seara rasmi dengan negara. Oleh itu, kahwin lari yang sempurna rukun nikah adalah sah dan pendaftaran pernikahan adalah tidak diwajibkan.

Walaupun kelompok pendapat pertama ini menjelaskan hukum kahwin lari adalah sah selagimana pernikahan tersebut dilakukan dengan memenuhi rukun yang telah ditetapkan dan pendaftaran perkahwinan adalah tidak diwajibkan di dalam Islam, namun mereka juga turut menyokong agar pendaftaran perkahwinan pendaftaran dilaksanakan oleh negara masing-masing kerana dipercayai memberi kemaslahatan serta kebaikan kepada masyarakat dalam isu perkahwinan dan sebagainya.

3. Konsep "*masalih al-mursalah*" juga turut diaplikasikan oleh sebahagian ulama kontemporari untuk mewajibkan pendaftaran pernikahan. Hal ini dilaksanakan bagi menjaga kemaslahatan umum berbanding masalah individu. Pendaftaran pernikahan adalah untuk memastikan kemudahan dan keselamatan pasangan dalam situasi-situasi tertentu pada masa akan datang sepanjang tempoh perkahwinan. Sekiranya pasangan tidak mendaftarkan perkahwinan mereka, ia akan memberikan impak buruk yang akan menyukarkan mereka serta orang lain. Oleh itu, pendaftaran pernikahan adalah wajib untuk menjaga masalah umum dan kepentingan pihak isteri khususnya.

Pendaftaran pernikahan membawa kepada keharmonian rumah tangga antara suami isteri. Hal ini dapat dilihat apabila dalam situasi di mana salah seorang pasangan tidak menjalankan tanggungjawab mereka sebagai suami isteri, maka pasangan yang teraniaya boleh mengemukakan isu ini ke mahkamah untuk menuntut hak masing-masing. Maka, perkara ini tidak dapat dilaksanakan dan dilihat sangat sukar bagi pasangan yang tidak membuat urusan pendaftaran pernikahan atau kahwin lari. Hal

ini kerana, pihak mahkamah tidak akan mendengar dakwaan pasangan suami isteri melainkan bagi mereka yang berdaftar secara rasmi sahaja.

Di antara ulama kontemporari yang berpandangan bahawa pendaftaran perkahwinan merupakan satu kewajipan adalah al-Syaikh ‘Aliy al-Tantawi. Menurut beliau, pasangan yang kahwin lari adalah berdosa dan telah melakukan satu kesalahan yang layak dikenakan hukuman oleh pemerintah walaupun perkahwinan tersebut adalah sah. Mentaati pemerintah adalah satu kewajipan selagi mana tidak disuruh untuk melakukan maksiat. Perkara ini dibuktikan berdasarkan firman Allah di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan Rasul-Nya serta Uli al-Amri di kalangan kalian” (al-Nisa’ 4:59).

Oleh itu, selagi mana arahan daripada pemerintah tidak bercanggah dengan suruhan Allah SWT, maka wajib bagi rakyat mentaati pemerintah tersebut dalam perkara yang membawa kepada kebaikan masyarakat. Arahan melakukan pendaftaran perkahwinan adalah tertakluk di bawah arahan pemerintah, maka dalam hal ini, wajib bagi setiap pasangan yang berkahwin melaksanakan hal tersebut dan berdosa sekiranya mengingkari arahan ini. Perkara ini bertepatan dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang menjelaskan:

عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِنْ أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Maksudnya: “Wajib bagi setiap orang untuk mendengar dan taat, meskipun terhadap sesuatu yang disukai atau dibenci, kecuali jika diperintahkan untuk bermaksiat, maka tidak ada kewajipan baginya untuk mendengar dan taat”

(Hadis Sahih, Muslim: 7144)

Selain itu, Dr. Abd al-Fattah ‘Amr menjelaskan arahan membuat pendaftaran perkahwinan adalah termasuk dalam bab “al-Siyasah al-Syar’iyyah”. Maka, pihak pemerintah boleh mewajibkan rakyatnya agar mentaati arahan membuat pendaftaran tersebut apabila dipercayai bahawa dengan melaksanakan pendaftaran perkahwinan akan mendatangkan kebaikan kepada negara dan kesejahteraan rakyat (‘Amr, 1996).

3.2 Hujah Pandangan Kedua

Menurut Al-Syaikh Nasr Farid Wasil iaitu bekas mufti negara Mesir, kahwin lari adalah tidak sah menurut syarak pada zaman kini. Beliau beranggapan bahawa pada zaman kini, sekiranya isu ini dibiarkan, akan membawa kepada pelbagai kesan buruk seperti penyebaran fitnah, kemunculan ramai saksi palsu, dan tidak menunaikan hak-hak kekeluargaan yang sepatutnya (al-Syarfawi, 2000). Pandangan ini juga dilihat selari dengan pendapat Al-Syaikh Mutawalli al-Sya'rawi yang menyokong agar kahwin lari diharamkan sekiranya pihak pengantin dengan sengaja tidak mahu menghebahkan perkahwinan tersebut tanpa apa-apa sebab sedangkan di dalam Islam, perkahwinan menurut syarak mestilah diumumkan (Abu Ahmad Nida t.th).

Mantan al-Syaikh al-Azhar iaitu al-Syaikh Muhammad Sayyid Tantawi berkata: *"Perkahwinan yang tidak dihebahkan adalah zina dan haram. Ini kerana ijma' para ulama mengharamkan perkahwinan yang disembunyikan. Perkahwinan ini dikenali dengan kahwin lari di Mesir walaupun cukup rukun dan syarat nikah, akan tetapi mereka tidak mendapat pengiktirafan daripada negara tersebut"*. Menurutny lagi: *"Saya secara peribadi tidak akan menjadi saksi bagi pernikahan secara kahwin lari, saya juga tidak akan mengiktirafi perkahwinan seperti ini kerana akan ia membawa kepada pengabaian hak-hak isteri dan melanggar perintah undang-undang negara."* (Ibrahim, 2010). Manakala, pendapat yang masyhur dalam mazhab Maliki menyatakan pernikahan secara kahwin lari adalah tidak sah kerana ia batil dan perlu difasakhkan. Ini kerana, perkahwinan perlu dihebahkan dan tidak boleh disembunyikan sama sekali (al-Dusuki, t.th).

Al-Syaikh Muhammad Safwat Nuruddin berpendapat walaupun kahwin lari diadakan dengan menepati segala rukun dan syarat nikah menurut syarak, namun tetap dihukum haram kerana bertentangan dengan undang-undang yang dikeluarkan oleh pemerintah negara. Tambahan pula, undang-undang tersebut adalah tidak bertentangan dengan hukum syarak serta tidak pula menyuruh melakukan maksiat kepada Allah (Mahmud, 2004). Oleh itu, setiap rakyat wajib mematuhi undang-undang daripada pemerintah selagi mana ia tidak menyalahi syariat Islam.

3.2.1 Intipati dan Dalil Yang Digunakan Oleh Pandangan Kedua

1. Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh A'ishah RA:

أَيُّمَا امْرَأَةٍ نُكَحْتُ بِغَيْرِ إِذْنٍ وَلِيِّهَا، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحَلَّ مِنْ فَرْجِهَا، فَإِنْ اسْتَجْرُوا فَالْسلطانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَ لَهُ

Maksudnya: “Mana-mana perempuan yang berkahwin tanpa izin walinya, perkahwinan tersebut adalah batal. Perkahwinan tersebut adalah batal. Perkahwinan tersebut adalah batal. Jika telah disetubuhi oleh pasangannya, dia berhak menerima mas kahwin untuk menghalalkan farajnya. Jika berlaku salah faham tentang wali, maka sultan ialah wali kepada mereka yang tidak berwali.”

(Hadis Sahih, al-Sayuti: 2947)

Hadis di atas menjelaskan bahawa wali bagi wanita merupakan rukun dalam akad pernikahan yang sah. Justeru, wanita tidak boleh menikahi dirinya sendiri menurut mazhab Syafi'i (al-Shirbini, 1994). Dan sekiranya perkahwinan yang dilaksanakan tanpa mendapat keizinan daripada wali, maka pernikahan itu batil dan tidak sah. Maka dalam hal kahwin lari, permasalahan utama adalah tiada keizinan daripada wali pihak wanita.

2. Kahwin lari terbahagi kepada dua jenis iaitu kahwin lari yang sah dan yang tidak sah kerana tidak mencukupi rukun dan syarat nikah. Oleh itu, dalam hal ini kebiasaannya kahwin lari lebih banyak cenderung dalam situasi yang tidak sah kerana tidak memenuhi rukun dan syarat nikah (Selian, 2015). Maka haram perkahwinan tersebut dan perlu difasakhkan.

3. Kahwin lari lebih mendatangkan banyak keburukan kepada masyarakat dan pergaduhan antara keluarga. Dalam hal ini akan berlaku kes-kes negatif seperti derhaka kepada ibu bapa apabila berkahwin lari tanpa mendapat restu daripada mereka. Perpecahan antara keluarga pihak lelaki dan pihak wanita akan berlaku dalam situasi ini.

4. Fuqaha mazhab Maliki bersepakat bahawa kahwin lari adalah haram dan tidak sah. Ini berdasarkan kepada hadis baginda Nabi SAW yang memerintahkan pasangan berkahwin untuk menghebahkannya kepada orang ramai. Diriwayatkan oleh Muhammad bin Hatib al-Jumahi bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

فصل ما بين الحلال والحرام النكاح والصوت في النكاح

Maksudnya: “Pemisah antara halal dan haram dalam pernikahan adalah gendang dan ucapan” (Hadis Hasan, al-Tirmizi: 1088)

Hadis di atas mengandung makna tersirat iaitu pernikahan hendaklah dihebahkan kepada orang ramai. Sunnah menghebahkan perkahwinan tersebut diraikan dengan majlis keriang (walimah) dan bunyi-bunyi pukulan gendang untuk memeriahkan suasana majlis pernikahan serta mendapat ucapan tahniah daripada orang ramai yang hadir (Mahmud, 2004). Jika pernikahan secara kahwin lari yang dilakukan secara sembunyi daripada khalayak ramai, maka hal ini telah bertentangan dengan hadis Nabi SAW di atas. Terdapat banyak hadis-hadis lain yang mengarahkan pasangan berkahwin untuk menghebahkan pernikahan mereka.

Selain itu, terdapat kaedah *al-Fiqhiyyah* yang menyebutkan “*sesuatu kewajipan yang tidak sempurna melainkan dengannya maka ia juga wajib*” (Ali Burnu, 1996). Dalam situasi ini kahwin lari secara sembunyi dan tidak menghebahkan perkahwinan akan menyebabkan banyak masalah-masalah dan kemudaratan akan timbul berkaitan hak-hak rumah tangga suami isteri serta hak pewarisan harta. Maka membuat pendaftaran itu merupakan satu kewajipan untuk menolak kemudaratan yang bakal berlaku (Selian, 2015).

4. Kesalahan Kahwin Lari Dari Sudut Perundangan

Setiap pernikahan yang telah disahkan oleh mahkamah hendaklah didaftarkan di Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Kegagalan mendaftarkan pernikahan, boleh mengakibatkan segala hak pasangan dan anak-anak seperti tuntutan nafkah isteri dan nafkah anak, tidak dapat dilaksanakan sebaiknya menurut undang-undang dan hukum syarak. Perbuatan kahwin lari yang sinonim dengan pernikahan tanpa kebenaran daripada “Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk” yang dilantik oleh pihak berkuasa agama negeri merupakan satu kesalahan matrimoni di bawah seksyen 40 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, dan jika disabitkan, pasangan tersebut boleh dihukum denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Peruntukan ini bertujuan memastikan setiap pernikahan dilaksanakan mengikut prosedur yang sah serta berada di bawah pengawasan pihak berkuasa agama bagi menjaga ketertiban undang-undang dan kemaslahatan institusi kekeluargaan Islam. Peruntukan yang sama turut diperuntukkan di bawah Seksyen 40, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, yang menegaskan kepentingan pematuhan terhadap prosedur perkahwinan sebagai mekanisme kawalan undang-undang.

Situasi ini berlaku apabila pasangan berkahwin di luar negara seperti di Thailand, Indonesia dan sebagainya. Sebagai contoh, dalam kes Hasmah binti Sharie lwn Juhari bin Abdul Ghani pada tahun 1995, permohonan kes ini dibicarakan untuk menentukan sahnya perkahwinan yang dilangsungkan di Thailand dan kemudiannya mensabitkan penceraian antara pasangan tersebut (Mohd Zahiruddin Fahmi, 2015). Tambahan yang terkini, menurut laporan (Utusan Malaysia, Januari 2024) terdapat 30,279 permohonan pengesahan nikah diterima Mahkamah Syari'ah dalam tempoh lima tahun berkaitan pasangan yang sudah bernikah terlebih dahulu (termasuk perkahwinan luar negara atau tanpa kebenaran rasmi). Ini mencerminkan peningkatan fenomena pasangan yang melangsungkan perkahwinan tanpa melalui prosedur rasmi serta seterusnya memohon isbat nikah di mahkamah.

Bagi mengesahkan perkahwinan dan perceraian, pasangan perlu melalui tiga seksyen dalam Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam 1985. Pertama, Seksyen 10 telah memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan adalah tidak sah melainkan jika cukup semua rukun dan syarat pernikahan menurut syarak. Kedua, di dalam Seksyen 107 (1) pula menjelaskan sesuatu perkahwinan orang Islam di luar Malaysia, lain daripada perkahwinan yang diakadnikahkan di tempat Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul Malaysia di bawah seksyen 22 hendaklah diiktiraf sah seperti yang dikehendaki dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Terengganu (1985). Dalam isu kahwin lari, Mahkamah syari'ah memutuskan (dalam kes Hasmah binti Sharie lwn Juhari bin Abdul Ghani) bahawa perkahwinan antara pasangan berwalikan Wali Am di Thailand yang diberi kuasa menikahkan perempuan-perempuan yang putus wali (keadaan di mana seorang perempuan kehilangan wali yang sah untuk menikahnya, sama ada kerana wali yang asal telah meninggal dunia, hilang hak sebagai wali, atau tidak wujud wali yang memenuhi syarat menurut syarak) secara Wali Hakim adalah sah menurut hukum syarak (Mohd Zahiruddin Fahmi, 2015). Justeru, untuk mendapatkan pengiktirafan daripada UUKI, maka perkahwinan yang diadakan mestilah sah di sisi syarak.

5. Faktor Berlakunya Kahwin Lari

Berdasarkan kepada statistik, jumlah pendaftaran permohonan pengesahan pernikahan di negeri Selangor dalam tempoh lima tahun iaitu daripada tahun 2015 sehingga 2019 adalah sebanyak 5877 kes, dengan purata sebanyak 1175 kes setahun (Majlis Agama Islam Selangor, 2021). Bilangan ini menggambarkan bahawa isu

kahwin lari bagi rakyat Malaysia berada di tahap yang tinggi. Maka terdapat beberapa faktor utama yang mendorong masyarakat memilih kahwin lari sebagai jalan untuk berkahwin tanpa memikir dan melihat kepada kesan buruknya yang bakal berlaku.

5.1 Mengandung Luar Nikah

Mengandung di luar nikah merupakan salah satu kesan akibat tidak menjaga batas dalam pergaulan antara lelaki dan wanita yang membawa kepada seks bebas (Moita et al. 2022). Dalam keadaan wanita mengandung sebelum perkahwinan, akad nikah masih sah menurut hukum syarak selagi semua rukun dan syarat nikah dipenuhi, termasuk wali yang sah, saksi, dan ijab kabul. Namun, apabila seorang wanita didapati mengandung di luar nikah, maka perkara ini akan mengaibkan wanita tersebut serta ibu bapanya juga akan mendapat tempiasnya. Masyarakat yang mengetahui hal yang demikian akan mencemuh dan memulaukan mereka. Maka jalan mudah untuk menutup aib tersebut adalah dengan melakukan kahwin lari di luar negara yang terhampir dengan Malaysia seperti di Thailand (Hashim et al., 2020).

Fenomena mengandung di luar nikah merupakan antara faktor utama kepada kes kahwin lari terjadi. Ini kerana pasangan yang terlanjur menganggap bahawa kahwin lari adalah solusi terbaik untuk menutup aib tersebut (Moita et al. 2022).

5.2 Tidak Mendapat Restu Ibu Bapa

Salah satu punca kahwin lari berlaku dalam kalangan masyarakat adalah apabila pasangan yang bercinta sudah mengambil keputusan untuk berkahwin tetapi ianya terhalang disebabkan tidak mendapat restu daripada ibu bapa terutamanya di belah pihak wanita. Terdapat beberapa faktor ibu bapa tidak bersetuju pasangan tersebut berkahwin. Antaranya ibu bapa sudah mempunyai pilihan mereka masing-masing, pasangan tidak setaraf dengan anak mereka atau pihak lelaki yang tidak memiliki pekerjaan ataupun masih belajar (Susanti, 2015).

Apabila niat murni mereka untuk mendirikan rumah tangga telah ditolak, situasi ini akan membuatkan mereka menjadi tertekan untuk menunaikan keinginan untuk hidup bersama dengan orang yang dicintai. Oleh sebab itu, mereka tidak teragak-agak untuk membuat keputusan mudah iaitu kahwin lari.

5.3 Ingin Berpoligami

Wanita mempunyai fitrah dengan perasaan cemburu yang kuat. Mereka tidak akan mengizinkan suami mereka untuk berkahwin lain kerana tidak mahu berkongsi kasih sayang dengan orang lain. Ramai di kalangan isteri yang akan terus melenting dan bersikap agresif apabila suami meluahkan hasrat atau mengetahui hajat suami untuk berkahwin lagi dengan wanita lain (Hasrulhamimie t.th). Keadaan ini menyebabkan pihak suami mengambil langkah selamat dengan berpoligami secara kahwin lari di negara seberang.

Dalam masa yang sama, pihak lelaki yang berhasrat untuk kahwin lagi menganggap urusan berpoligami di Malaysia dirasakan sukar dan membebankan kerana prosedur permohonan dan kelulusan poligami yang ketat (Norain Mohd Shah & Khairul Azhar Meerangani, 2021). Malah antara prosedurnya adalah isteri atau isteri-isteri sedia ada akan dipanggil ke Mahkamah untuk menyatakan persetujuan mereka (Mohd Zahiruddin Fahmi, 2015). Sedang pihak lelaki ingin berpoligami tanpa diketahui oleh isteri atau isteri-isterinya kerana bimbang akan berlaku pergaduhan yang mampu mengancam kesejahteraan dan kebahagiaan rumah tangga.

6. Implikasi Daripada Kahwin Lari

Pasangan yang berkahwin lari di luar negara menganggap itu adalah jalan terbaik untuk membina rumah tangga sedangkan perkara tersebut mempunyai implikasi yang besar terhadap mereka, keluarga dan anak-anak. Fenomena kahwin lari yang dilakukan di luar negara seperti di selatan Thailand bukan sahaja membawa masalah status perkahwinan yang tidak diiktiraf di Malaysia, tetapi juga impikasi luas terhadap hak anak dan pasangan itu sendiri. Sebagai contoh, pasangan yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka mungkin menghadapi kesukaran mendaftarkan kelahiran anak di JPN, yang seterusnya memberi kesan kepada akses pendidikan dan perkhidmatan kesihatan anak. Selain itu, pihak berkuasa agama negeri selalunya tidak mengiktiraf perkahwinan luar negara tanpa pengesahan, mengakibatkan proses pengesahan nikah yang panjang di mahkamah dan kesukaran menuntut hak nafkah dan harta selepas perceraian.

Sebagai contoh, dalam kes SAJ V NHJ (2022) 1 ShLR (Mahkamah Syariah Tinggi Selangor, 2022), pasangan telah berkahwin di Satun, Thailand pada 8 Januari 2019 tetapi tidak mendaftarkan perkahwinan mereka di Malaysia sebelum ini. Kes ini

dibawa ke Mahkamah Syariah Tinggi Selangor kerana pasangan tersebut tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Rendah Syariah yang menolak permohonan mereka untuk mengesahkan status perkahwinan mereka di Malaysia. Ini menunjukkan implikasi nyata apabila perkahwinan luar negara tidak mendapat pengesahan rasmi terlebih dahulu, menyebabkan proses pengesahan nikah di mahkamah memerlukan masa, kos dan prosedur tambahan bagi memastikan perkahwinan mereka diiktiraf di Malaysia. Antara implikasi yang berlaku akibat daripada pelaksanaan kahwin lari adalah seperti berikut:

6.1 Kebarangkalian Tidak Sah Perkahwinan

Masyarakat awam hanya memikirkan cara mudah untuk berkahwin tanpa ada pengetahuan atau ilmu agama khususnya berkaitan fiqh munakahat. Hal ini menyebabkan mereka memilih jalan mudah untuk membina hubungan kekeluargaan secara kahwin lari. Lebih parah lagi apabila perkahwinan tersebut tidak mengikut rukun dan syarat-syarat nikah yang ditetapkan oleh syarak menyebabkan hukumnya fasid atau balil serta tidak sah perkahwinan tersebut. Sebagai contoh, perkahwinan tersebut diadakan dengan jurunikah yang tidak bertauliah dan tidak menepati syarat wali hakim (Abdullah & Hussin, 2015). Jika didapati begini maka pasangan tersebut wajib dipisahkan segera dan suami tidak wajib membayar mahar sekiranya masih belum melakukan persetubuhan. Mereka juga tidak akan mewarisi harta pasangan sekiranya salah seorang meninggal dunia (Borhanuddin et al., 2022).

6.2 Dikenakan Hukuman Undang-Undang Serta Sukar Membuat Pendaftaran Perkahwinan

Pasangan yang berkahwin di luar negara seperti di Thailand secara kahwin lari akan menghadapi kesukaran untuk membuat pendaftaran perkahwinan kerana telah melanggar undang-undang. Mereka juga akan dikenakan hukuman atau denda mengikut prosedur undang-undang. Bagi pasangan yang kahwin lari, pendakwaan boleh dibuat mengikut Seksyen 40 (2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1948. Denda yang diperuntukkan adalah tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan.

Dalam Enakmen 17 Dalam Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor (2003) mengenai poligami secara kahwin lari tanpa kebenaran mahkamah, enakmen tersebut menetapkan bahawa seorang lelaki dengan sengaja melakukan kahwin lari

tanpa kebenaran bertulis daripada mahkamah sedangkan masih menjalani perkahwinan yang sebelumnya adalah dikira bersalah dan hendaklah dihukum dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau tidak melebihi enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003).

Walaupun kahwin lari diadakan secara sah menurut syarak, namun apabila tidak dapat mengemukakan bukti perkahwinan berdaftar daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk, maka pasangan ini boleh dituduh dan disabitkan kesalahan berkhawat atau berzina (Awal, 2008). Akibatnya, pasangan tersebut akan dikenakan hukuman denda kerana melakukan khalwat dan zina berdasarkan kepada peruntukan undang-undang.

6.3 Kesukaran Menuntut Hak di Mahkamah

Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) menegaskan bahawa kesan negatif kahwin lari akan berhadapan dengan kesukaran untuk mengajukan apa-apa permohonan di Mahkamah Syariah khususnya kepada pihak isteri apabila menghadapi masalah rumah tangga (Burhanuddin et al., 2022). Selain itu, pihak isteri tidak boleh menuntut sebarang hak seperti tuntutan nafkah, harta sepencarian, harta pusaka dan sebagainya. Ini kerana Mahkamah Syariah hanya boleh mengambil tindakan ke atas pasangan yang berdaftar sahaja (Abdullah et al., 2021).

6.4 Pendaftaran Anak Menjadi Rumit Atau Anak Tak Sah Taraf

Pasangan yang berkahwin lari dan lambat membuat pendaftaran perkahwinan setelah mempunyai anak akan mengakibatkan pelbagai kesan buruk terhadap status anak tersebut. Jabatan Pendaftaran Negara hanya akan mengeluarkan Sijil Kelahiran Anak bagi pasangan yang berdaftar secara rasmi dan mempunyai Sijil Nikah yang diiktiraf sahaja (Mohamad, 2008; Nasoha, 2014). Oleh itu, dikhuatiri sekiranya pasangan tersebut tidak mempunyai Sijil Nikah yang diiktiraf, akan mengakibatkan anak tersebut tiada Sijil Lahir yang sah daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Akibatnya, status anak akan diragui sekali gus memberi kesan kepada hukum-hukum yang lain pula seperti hak pewarisan harta pusaka, tidak boleh ber“bin” atau ber“binti” dengan ayahnya (Hussin, 2015), penafian wali untuk berkahwin dan lain-lain.

Kesimpulan

Kahwin lari merupakan satu kesalahan menurut undang-undang dan akan dikenakan hukuman bagi pasangan yang melakukannya biarpun hukumnya sah apabila memenuhi rukun dan syarat nikah yang ditetapkan oleh syarak. Akan tetapi perkahwinan yang dilakukan dengan mengikut prosedur pernikahan yang digariskan oleh Majlisi Agama Islam Negeri-Negeri di bawah Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Jakim, 2013) akan membawa kepada kemudahan dan kesejahteraan pasangan suami isteri. Segala urusan susulan akan menjadi lebih mudah dan teratur. Hal ini berbeza bagi pasangan yang mengadakan pernikahan secara kahwin lari dan tidak mengikut prosedur pernikahan yang ditetapkan, pasangan tersebut akan berhadapan dengan banyak permasalahan yang timbul akibat daripada mengambil jalan mudah dengan berkahwin lari.

Permasalahan yang timbul bukan sahaja melibatkan pasangan suami isteri sahaja, sebaliknya mengaitkan juga pihak lain iaitu ibu bapa, keluarga, dan paling menyedihkan adalah anak-anak. Mereka menjadi mangsa keadaan hasil daripada perbuatan kahwin lari. Oleh itu, sebagai rakyat haruslah mematuhi segala undang-undang serta ketetapan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah negara tidak lain tidak bukan adalah untuk menjaga kemaslahatan bersama.

Oleh itu, inisiatif untuk membendung masalah kahwin lari haruslah dibahaskan untuk memberi solusi agar masalah ini dapat diatasi dengan segera. Pengkaji berpendapat, pihak kerajaan hendaklah menggunakan medium media massa untuk memberi amaran serta peringatan yang keras kepada rakyat berkenaan kesan buruk kahwin lari. Hal ini kerana, majoriti rakyat Malaysia sudah menggunakan gajet dalam urusan seharian mereka yang memudahkan mesej ini sampai kepada mereka. Selain itu, peruntukan undang-undang juga harus diperketatkan dengan menaikkan lagi kadar denda dan hukuman penjara kepada pesalah-pesalah yang melakukan kahwin lari yang terlarang.

Rujukan:

- ‘Abd al-Malik bin Yusuf al-Mutlaq (1427H) *al-Zawaj al-‘Urfi. Riyadh*: Dar al-‘Asimah.
- Abdullah, S., & Hussin, N. S. (2015). *Perkahwinan Tanpa kebenaran: Wacana Dari Sudut Hukum dan Perundangan Islam*. Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Abdullah, S., Hussin, N. S., Ramli, A. J., & Liberal, P. S. (2021). Impak Perkahwinan Tanpa Kebenaran Terhadap Pasangan dan Institusi Kekeluargaan. Kajian Kes Di Negeri Perlis. In *The 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI)*. UniMAP: Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan Dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis. Ogos.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Diambil pada 21 Julai 2023.
- ‘Amr, ‘Abd al-Fattah (1996) *Al-Siyasah al-Syar’iyyah Fi al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Oman: Dar al-Nafais.
- Al-Dusuki (t.th) *Hasyiah al-Dusuki ‘Ala Syarh al-Kabir*. Kaherah: Maktabah Zahran.
- Ali Burnu, Muhammad Sidqi (1996) *Al-Wajiz Fi Idhah Qawaid al-Fiqh al-Kulliyyah*. Beirut: Muassasah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Kasani (1996) *Badai’i al-Sana’i*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qardawi, Yusuf (1420H) *Zawaj al-Misyah Haqiqatuhu Wa Hukmuhu*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Sayuti, ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr (T.th) *al-Jami’ al-Saghir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Syafi’i, Muhammad bin Idris (2002) *al-Um*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Syaibani (2002) *Ikhtilaf al-A’immah al-‘Ulama*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Syarfawi, Ibrahim Abduh (2000) *Al-Zawaj al-‘Urfi Fi Mizan al-Syar’*. Kaherah: Maktabah al-Safa.
- Al-Syirbini, Shams al-Din Muhammad Bin Muhammad (1994) *Mughni al-Muhtaj Ila Ma’rifah Ma’ani Alfadh al-Minhaj*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Awal, N.A.M., (2008) *Kahwin Lari Dan Poligami: Respons Wanita Dan Implikasi Undang-Undang*. Selangor: International Law Book Service.
- Borhanuddin, S. A., Samah, M., & Hussin, M. N. M. (2022). Sorotan Literatur Terhadap Polemik Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Malaysia: A Literature Review on Marriage Without Permission in Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 7(2), 273-298.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Diambil pada 21 Julai 2023.

- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003. Diambil pada 21 Julai 2023.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Terengganu) 1985. Diambil pada 21 Julai 2023.
- Hashim, N. M. (2003). Kahwin lari: satu tinjauan umum. In *Seminar isu-isu mahkamah syariah iv. Gombak: Uni. Islam Antarabangsa Malaysia*.
- Hashim, H., Khan, I. N. G., Shukor, H. A., Yusof, N., & Rahman, A. (2020). Isu-Isu Berkaitan Pernikahan Yang Menyalahi Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia Dan Kaedah Penyelesaiannya. *E-Proceeding 3rd International Conference Of The Postgraduate Students And Academics In Syariah And Law 2020* (3rd INPAC 2020).
- Hasrulhammie (T.th) *Punca Kenapa Berlakunya Kahwin Lari*. Diambil pada 24 Julai 2023 dari <https://baitulmuslim.com/artikel-perkahwinan/punca-kenapa-berlakunya-kahwin-lari>
- Hazman, A., Ahmad, B., & Pauzi, N. (2020). Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis (Elopement Marriage of the Virgin Who Still Has Family Guardian: An Analysis of the Fatwa in Perlis). *Journal of Islam in Asia* (E-ISSN 2289-8077), 17 (3), 268-290.
- Hussin, N. S. (2015). *Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes di Mahkamah Syariah Negeri Perlis Dari Tahun 2006 Hingga 2010*. (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana, Sastera, Pengajian Islam, Universiti Utara Malaysia, Perlis).
- Ibrahim, A.M.K. (2010) *Suwar Mutahaddithah Li 'Aqd al-Zawaj al-'Urfi Fi Dhau' al-Fiqh al-Islami Wa Qanun al-Ahwal al-Syakhsyah*. Palestin: Jami'ah al-Najah al-Wataniyyah.
- IslamWeb (2004) *Hukm al-Zawaj al-'Urfi*. Fatwa No 5962. Diambil pada 22 Julai 2023 dari <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/5962/>
- Jabatan Agama Islam Selangor (2018) *Kursus Pra Perkahwinan, Bahagian Undang-Undang Keluarga Jais*. Diambil pada 22 Julai 2023 dari <https://www.jais.gov.my/v2/page.php?s=kursus-pra-perkahwinan-bahagian-undangundang-keluarga-jais>
- Jakim (2013) Panduan Pengurusan Nikah Di Malaysia. ISBN 978-983-042-365-4. Selangor: ALAMEDIA SDN BHD.
- Kamus Dewan (1998) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahkamah Syariah Tinggi Selangor. (2022). SAJ lwn NHJ [2022] 1 ShLR. Selangor: Mahkamah Syariah Tinggi Selangor. Diaambil pada 29 Disember 2025 dari <https://monco.my/saj-v-nhj-2022-1-shlr>.
- Mahmud, J. A. (2004) *Al-Zawaj al-'Urfi Fi Mizan al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Majlis Agama Islam Selangor (2021) *Nikah Lari Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang*. Diambil pada 21 Julai 2023 dari https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2021/08/NIKAH-LARI_FINAL.pdf
- Mohamad, M. N. (2008). Perkahwinan Tanpa Kebenaran Rakyat Malaysia di Selatan Thailand. *Al-Nur Journal of Graduate School, Fatoni University*, 3(5), 45-59.
- Mohd Zahiruddin Fahmi, A. Z. (2015). *Perkahwinan tidak mengikut prosedur: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Mohd Zahiruddin Fahmi Ahmad Zakhi* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Moita, S., Rusli, M., & Jabar, A. S. (2022). Proses Penyelesaian Kawin Lari (Mombolasuako) Pada Masyarakat Suku Tolaki di Kabupaten Konawe Selatan. In *Indonesian Annual Conference Series* (pp. 39-42).
- Muslim (1419H) *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Nasohah, Z. (2014). Prospek Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Untuk Kes-kes Kesalahan Nikah Tanpa Kebenaran Melibatkan Lelaki Warga Asing. In *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*.
- Nida, A.A. (T.th) *Asbab al-Zawaj al-'Urfi Wa Mauqif al-Syar' Minhu*.
- Norain Mohd Shah & Khairul Azhar Meerangani. (2021). Faktor poligami tanpa kebenaran: analisis kes di Mahkamah Syariah Muar, Johor. *eJournal of Islamic Thought & Understanding (eJITU)*.
- Selian, J. A. (2015). *Hukmu az-zawaju Al urfi fil islam*. (Bachelor's thesis, Fakultas Dirasat Islamiyah, UIN Syarif Hidayatullah).
- Susanti, D. E. N. (2015). *Tradisi Kawin Lari Dalam Perkawinan Adat Di Desa Ketapang Kecamatan Sungkai Selatan Kabupaten Lampung Utara Propinsi Lampung Dalam Perspektif Hukum Islam* (Doctoral dissertation, IAIN Salatiga).